

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93**

**April, 1993**

**ATW101 - PERAKAUNAN KEWANGAN I**

**Masa: [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUABELAS** muka surat sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **ENAM** soalan. Soalan-soalan daripada Bahagian A dan B adalah **WAJIB**. Jawab **DUA** soalan daripada Bahagian C. Soalan daripada Bahagian A mesti dijawab di dalam borang **OMR** dengan pensil **2B** dan hantar berasingan daripada buku jawapan. Pastikan anda menulis **ANGKA GILIRAN**.

**Bahagian A - WAJIB**

**Soalan 1**

1. Belanja susutnilai menerangkan dengan tepat yang mana satukah daripada prinsip penerimaan umum perakaunan yang diikuti?
  - (a) prinsip kos.
  - (b) prinsip objektif.
  - (c) prinsip penjadohan.
  - (d) prinsip pengiktirafan.
  
2. Perbezaan asas di antara susutnilai dengan lain-lain belanja ialah:
  - (a) ianya ditolak daripada pendapatan tahunan semasa.
  - (b) tidak perlu pengeluaran tunai.
  - (c) boleh dielakkan sekiranya pihak pengurusan menubuhkan dana tunai bagi menggantikan aset yang telah haus oleh penggunaan.
  - (d) susutnilai menyebabkan ketepatan penyukatan.

...2/-

7. Daripada pernyataan berikut yang manakah yang paling baik menerangkan kawalan dalaman perakaunan?
- (a) kawalan dibuat untuk menegah ketidakjujuran kakitangan.
  - (b) langkah yang perlu bagi mengurangkan kakitangan yang mengendalikan aspek sesuatu transaksi.
  - (c) langkah yang perlu mengawal aset dan menentukan kepercayaan terhadap rekod perakaunan.
  - (d) kakitangan kawalan audit.
8. Tujuan utama pengauditan penyata kewangan oleh firma Akauntan Awam Bertauliah (CPA) ialah:
- (a) menentukan keberkesanan kakitangan menjalankan kerja.
  - (b) mengesan penipuan kakitangan.
  - (c) mengadakan pandangan pakar kepada pengguna di luar firma tentang kewajaran keseluruhan penyata kewangan.
  - (d) menjamin kepada pengguna penyata kewangan bahawa penyata kewangan bebas daripada sebarang kesilapan.
9. Dalam menilai kecairan firma, pegawai bank atau pemiutang sangat berminat kepada:
- (a) amaun tunai di tangan dibandingkan dengan amaun yang ditunjukkan di dalam kunci kira-kira pada akaun "Tunai dan hampir tunai".
  - (b) amaun sumber cair dibandingkan jumlah liabiliti semasa bagi perniagaan tersebut.
  - (c) sebahagian sumber cair firma yang dilaburkan secara sementara di dalam akaun hampir tunai.
  - (d) amaun akaun-akaun bank yang berasingan yang dikendalikan oleh firma dan baki tiap-tiap akaun tersebut.
10. Kelemahan konsep yang terdapat di dalam perakaunan kaedah pelupusan terus bagi akaun tidak boleh pungut melanggar prinsip:
- (a) prinsip penjodohan.
  - (b) prinsip kos.
  - (c) prinsip pengiktirafan.
  - (d) prinsip andaian berterusan.

15. Pada 1 Januari, 1992, firma M membayar RM36,000 untuk alatan adunan, yang dianggarkan mempunyai nilai sisaan RM6,000. Belanja susutnilai pada tahun 1992, dengan menggunakan kaedah jumlah-angkah-tahun ialah RM12,000. Kirakan usiaguna alatan tersebut?
- (a) 3 tahun.
  - (b) 5 tahun.
  - (c) 4 tahun.
  - (d) 2½ tahun.
16. Akaun diskaun ke atas nota belum bayar:
- (a) kebiasaannya mempunyai baki normal debit dan dilunaskan sepanjang hayat nota dengan memindahkan ke belanja faedah.
  - (b) kebiasaannya mempunyai baki normal kredit dan tertera di kunci kira-kira sebagai penambahan kepada amaun nota belum bayar.
  - (c) patut digunakan di dalam pengrekodan nota belum bayar jika kadar faedah ke atas nota diasingkan, sebagai contoh 10% setahun.
  - (d) pelunasan sepanjang hayat nota dengan memindahkan ke hasil/pendapatan faedah.
17. Di antara kombinasi penyataan di bawah ini, yang manakah yang paling sesuai bagi pandangan pemiutang jangka panjang ialah:
- (a) nisbah hutang rendah dan nisbah kelitupan faedah rendah.
  - (b) nisbah hutang tinggi dan nisbah kelitupan faedah rendah.
  - (c) nisbah hutang rendah dan nisbah kelitupan faedah tinggi.
  - (d) nisbah hutang tinggi dan nisbah kelitupan faedah tinggi.
18. Istilah modal berbayar bermaksud:
- (a) semua aset selain perolehan tertahan.
  - (b) modal yang sah disisi undang-undang dicampur perolehan tertahan.
  - (c) modal yang sah disisi undang-undang ditolak perolehan tertahan.
  - (d) jumlah ekuiti pemilik ditolak perolehan tertahan.

**Bahagian B - WAJIB**

Jawab semua soalan.

**Soalan 2**

- (a) Bailey Sdn. Bhd. menggunakan sistem inventori berkala. Belian bagi produk jenis X disepanjang tahun disenaraikan seperti berikut:

|                            |                    |           |
|----------------------------|--------------------|-----------|
| 1 Januari - inventori awal | 600 unit @ RM9.00  | = RM5,400 |
| 18 April - belian          | 500 unit @ RM9.50  | = RM4,750 |
| 11 Ogos - belian           | 700 unit @ RM10.00 | = RM7,000 |
| 23 Oktober - belian        | 200 unit @ RM10.25 | = RM2,050 |

Pada 31 Disember, inventori akhir mengandungi 5,700 unit.

Kirakan:

- (i) Kos inventori akhir dan kos barangniaga yang dijual berlandaskan kaedah penilaian masuk-kemudian-keluar-dahulu.
  - (ii) Kos inventori akhir dan kos barangniaga yang dijual berlandaskan kaedah penilaian masuk-dahulu-keluar-dahulu.
  - (iii) Kos inventori akhir dan kos barang niaga yang dijual berlandaskan kaedah penilaian kos purata.
- (b) Kaktus Biru ialah firma pengedar perabot yang mengguna sistem inventori berkala. Pada 8 Februari, 1993, kebakaran telah berlaku dan memusnahkan perabot di bahagian bilik pameran firma. Firma ini sungguh bernasib baik sebab inventori firma diletakkan di gudang lain dan tidak terbakar. Jumlah inventori ialah RM52,000. Kini firma bercadang menentukan kos barangniaga yang terbakar dengan hanya menggunakan maklumat-maklumat berikut:

|   |           |
|---|-----------|
| Jualan bersih sehingga 8 Februari, 1993 | RM230,000 |
| Inventori akhir, 31 Disember, 1992      | RM 74,000 |
| Belian sehingga 8 Februari, 1993        | RM130,000 |
| Kadar keuntungan kasar                  | 60%       |

Kirakan:

- (i) Kos barangniaga yang ada sehingga 8 Februari, 1993.
- (ii) Kos barangniaga yang dijual sehingga 8 Februari, 1993.
- (iii) Inventori yang tinggal pada 8 Februari, 1993 sebelum kebakaran.
- (iv) Kos inventori yang terbakar dan musnah.

[10 markah]

...8/-

ATW101

**AETEC Bhd.**  
**Penyata pendapatan**  
**tahun berakhir 31 Disember, 1992**

|                        |             |
|------------------------|-------------|
| Jualan                 | RM360,000   |
| Kos barangniaga dijual | RM(216,000) |
|                        | -----       |
| Keuntungan kasar       | RM144,000   |
| Kos operasi            | RM(90,000)  |
|                        | -----       |
| Faedah                 | RM 54,000   |
| Cukai pendapatan       | RM(12,000)  |
|                        | -----       |
| Keuntungan bersih      | RM 42,000   |
|                        | -----       |

Semua jualan dibuat dalam bentuk hutang. Dividen tunai diistiharkan pada tahun tersebut sebanyak RM52,000.

**Kirakan:**

- (a) Pusingan akaun belum terima.
- (b) Pusingan inventori.
- (c) Nisbah hutang.
- (d) Perolehan sesaham.
- (e) Nilai buku sesaham.
- (f) Nisbah semasa.
- (g) Pulangan ke atas aset.
- (h) Pulangan ke atas ekuiti pemilik saham.
- (i) Nisbah ekuiti.

[10 markah]

...10/-

ATW101

- (d) Belanja iklan sebanyak RM400 telah diguna.
- (e) Belanja insurans telah diguna sebanyak RM600.
- (f) Belanja faedah dan pelunasan bagi nota belum bayar berjumlah RM500.
- (g) Inventori pada akhir tahun RM68,215.

**Dikehendaki:**

- (i) Sediakan lembaran kerja dengan menggunakan borang lembaran kerja 10 ruang pada akhir 31 Disember, 1992.

**\*Perhatian :** Gunakan permulaan barisan atas sekali - berkemungkinan barisan tidak mencukupi.

- (ii) Sediakan penyata pendapatan bertingkat dan penyata perolehan tertahan bagi tahun berakhir 31 Disember, 1992.
- (iii) Sediakan kunci kira-kira terkelas pada 31 Disember, 1992.

[30 markah]